



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
PEMINDAHAN USAHA  
BERTERUSAN**

## KANDUNGAN

|   |           |
|---|-----------|
| <b>PENGENALAN .....</b>   | <b>1</b>  |
| Cukai Barang dan Perkhidmatan Secara Umum .....                                     | 1         |
| <b>SKOP PANDUAN INI.....</b>  | <b>1</b>  |
| <b>OPERASI AM INDUSTRI.....</b>   | <b>2</b>  |
| Konsep PUB .....  | 2         |
| <b>LAYANAN UNTUK INDUSTRI .....</b>   | <b>3</b>  |
| Tujuan peruntukan PUB .....   | 3         |
| <b>DEFINISI PERNIAGAAN DAN ASET PERNIAGAAN .....</b>                                | <b>3</b>  |
| <b>SYARAT-SYARAT PUB .....</b>  | <b>3</b>  |
| <b>IMPLIKASI CBP DI BAWAH PUB.....</b>  | <b>5</b>  |
| <b>PEMINDAHAN PERNIAGAAN YANG TIDAK TERMASUK DALAM SKOP PUB ....</b>                | <b>5</b>  |
| <b>PUB YANG MELIBATKAN AHLI DALAM KUMPULAN CBP.....</b>                             | <b>7</b>  |
| <b>PELARASAN HARTA MODAL DI BAWAH PUB.....</b>                                      | <b>7</b>  |
| <b>CUKAI INPUT KE ATAS PERBELANJAAN SAMPINGAN .....</b>                             | <b>10</b> |
| <b>PENYIMPANAN REKOD PERNIAGAAN.....</b>  | <b>11</b> |
| <b>MAKLUMAT BERKAITAN BAGI PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PUB</b><br><b>.....</b> | <b>12</b> |
| <b>SOALAN LAZIM .....</b>   | <b>12</b> |
| <b>MAKLUM BALAS DAN KOMEN .....</b>   | <b>13</b> |
| <b>BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT .....</b>  | <b>13</b> |

## **PENGENALAN**

1. Panduan Industri ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara-perkara berkaitan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas Pemindahan Usaha Berterusan (PUB).

### **Cukai Barang dan Perkhidmatan Secara Umum**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat atas penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh pengantara-pengantara di dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, namun hanya nilai tambah di setiap peringkat sahaja akan dikenakan cukai dan ini mengelak dari berlakunya kesan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai "orang berdaftar". Seorang orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada pengantara-pengantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

### **SKOP PANDUAN INI**

5. Skop yang diliputi oleh panduan ini termasuk:

- (a) Syarat-syarat yang dikenakan ke atas pemindahan aset-aset perniagaan yang layak sebagai PUB;

- (b) Obligasi-obligasi CBP yang dikenakan ke atas pemindahan atau aset-aset perniagaan di bawah PUB;
- (c) Obligasi-obligasi CBP oleh penerima pindahan aset-aset perniagaan setelah PUB berkuat kuasa; dan
- (d) Cukai input yang ditanggung ke atas perbelanjaan-perbelanjaan sampingan kepada PUB yang layak dituntut oleh kedua-dua pemindah dan penerima pindahan.

## **OPERASI AM INDUSTRI**

### **Konsep PUB**

6. Di bawah peruntukan CBP, apabila suatu pembekalan dibuat sebagai PUB, pembekalan aset tersebut oleh seseorang orang kena cukai (pemindah) kepada seseorang orang kena cukai (penerima pindahan) yang lain dikira sebagai bukan pembekalan barang mahu pun pembekalan perkhidmatan. Oleh yang demikian, penerima pindahan yang menerima pemindahan aset-aset tersebut hendaklah disifatkan telah menanggung cukai input ke atas nilai aset-aset yang dibekalkan kepadanya, dan telahpun menolak cukai input yang disifatkan itu daripada apa-apa cukai output yang kena dibayar olehnya pada masa pembekalan itu dibuat.

7. PUB boleh melibatkan pemindahan keseluruhan atau sebahagian daripada satu perniagaan secara berterusan daripada seseorang orang kena cukai kepada seseorang orang kena cukai lain dan dalam kes di mana hanya sebahagian daripada perniagaan sahaja dipindahkan, bahagian perniagaan itu mestilah boleh beroperasi dengan sendiri. PUB boleh termasuk keadaan-keadaan berikut:

- (a) Aset-aset perniagaan seseorang orang kena cukai diambil alih oleh seseorang orang kena cukai lain disebabkan kematian atau persaraan;
- (b) Seseorang orang kena cukai menjual aset-aset perniagaannya atau sebahagian perniagaannya kepada seseorang orang kena cukai lain yang menjalankan perniagaan itu secara berterusan; atau
- (c) Entiti sesebuah perniagaan telah berubah, sebagai contoh sebuah syarikat sendirian berhad menjadi sebuah syarikat berhad.

## LAYANAN UNTUK INDUSTRI

### Tujuan peruntukan PUB

8. PUB merupakan suatu kemudahan yang diberikan kepada kedua-dua pemindah dan penerima pindahan yang terlibat dalam pemindahan atau jualan perniagaan sebagai PUB. Peruntukan-peruntukan PUB di bawah Akta CBP 20XX, telah diperkenalkan bagi tujuan-tujuan berikut:

- (a) Penerima pindahan tidak perlu membayar cukai output ke atas aset-aset yang telah dipindah dan dengan itu mengurangkan beban aliran tunainya.
- (b) Pemindah tidak perlu mengakaunkan cukai output ke atas aset-aset yang telah dipindahkan; dan
- (c) Ia boleh melindungi hasil kerajaan ke atas cukai output yang mana pemindah mungkin gagal dalam membuat pembayaran apabila ia menamatkan perniagaannya.

### DEFINISI PERNIAGAAN DAN ASET PERNIAGAAN

9. Definisi *perniagaan* dan *aset-aset perniagaan* untuk maksud PUB adalah seperti berikut:

- (a) “**perniagaan**” didefinisikan di bawah seksyen 3 Akta CBP 20XX sebagai merangkumi apa-apa perdagangan, profesion, pekerjaan atau apa-apa aktiviti serupa yang lain, sama ada atau tidak untuk keuntungan wang.
- (b) “**aset-aset perniagaan**” adalah apa-apa harta perniagaan sama ada boleh alih atau tidak termasuklah stok dagangan, mesin, perabot, dan alat-alat kelengkapan dan juga premis-premis.

### SYARAT-SYARAT PUB

10. Pemindahan aset-aset perniagaan hanya boleh dianggap sebagai PUB apabila syarat-syarat tertentu dipenuhi. Syarat-syarat tersebut termasuklah:

- (a) Kedua-dua pemindah dan penerima pindahan mestilah merupakan orang berdaftar CBP sebelum pemindahan perniagaan atau sebahagian perniagaan dijalankan.

*Nota: Penerima pindahan yang bukan seorang orang berdaftar tetapi akan menjadi salah satu selepas mengambil alih perniagaan pemindah mesti mendaftarkan dirinya sebagai orang berdaftar sebelum pemindahan perniagaan berlaku.*

- (b) penerima pindahan itu hendaklah dianggap sebagai telah menjalankan perniagaan itu sebelum dan juga selepas pemindahan itu dan apa-apa pembekalan bercukai yang dibuat oleh pemindah hendaklah dikira sebagai telah dibekalkan oleh penerima pindahan.
- (c) dalam hal di mana hanya sebahagian daripada perniagaan itu dipindahkan kepada penerima pindahan yang bukan orang berdaftar CBP, maka hanya bahagian perniagaan yang dipindahkan tersebut diambilkira sebagai telah dijalankan oleh penerima pindahan sebelum dan juga selepas pemindahan untuk tujuan pengiraan nilai ambang yang ditetapkan.
- (d) Perniagaan yang dipindahkan mestilah satu usaha berterusan sebelum dan sebaik sahaja selepas pemindahan tersebut. Mana-mana perniagaan yang telah ditamatkan operasi sebelum pemindahan tidak layak dipertimbangkan untuk PUB. Walau bagaimanapun, penghentian sekejap atau penutupan sementara sebaik sahaja selepas pemindahan untuk memudahkan perjalanan pemindahan boleh dibenarkan.
- (e) Penerima pindahan mestilah menggunakan aset-aset yang dipindahkan untuk menyambung perniagaan yang sama seperti perniagaan asal pemindah.
- (f) Jika hanya sebahagian perniagaan dijual atau dipindahkan, bahagian perniagaan itu mestilah mampu beroperasi secara berasingan. Walau bagaimanapun, bagi pemilik baru adalah tidak menjadi hal sama ada perniagaan yang dipindahkan akan beroperasi secara berasingan dari apa-apa perniagaan lain yang sedang dijalankan olehnya.

## **IMPLIKASI CBP DI BAWAH PUB**

11. Pemandahan suatu perniagaan atau sebahagian daripada suatu perniagaan yang termasuk di dalam skop PUB adalah dikira sebagai bukan pembekalan barang mahu pun pembekalan perkhidmatan. Oleh itu, tiada cukai output yang dikenakan atau diterima oleh pemindah bagi pemandahan perniagaan sedemikian. Sebaliknya, penerima pindahan dikira sebagai telah menanggung cukai input bagi pembekalan tersebut dan pada masa yang sama telah menuntut cukai input yang disifatkan itu. Oleh itu, pada hakikatnya tiada bayaran CBP oleh penerima pindahan kepada pemindah untuk pemandahan perniagaan atau sebahagian daripada suatu perniagaan di bawah PUB.

12. Di bawah PUB, prinsip berterusan digunakan. Ini bererti bahawa jika terdapat apa-apa cukai input yang ditanggung yang masih belum lagi dituntut oleh pemindah pada tarikh pemandahan; ia boleh dituntut oleh penerima pemandahan. Walau bagaimanapun, jika ada apa-apa cukai output yang masih belum diakaunkan dan dibayar oleh pemindah pada tarikh pemandahan, ia menjadi tanggungan penerima pindahan untuk mengakaun dan membayar cukai itu.

## **PEMINDAHAN PERNIAGAAN YANG TIDAK TERMASUK DALAM SKOP PUB**

13. Terdapat keadaan-keadaan di mana pemandahan suatu perniagaan tidak termasuk dalam skop PUB, seperti berikut:

- (a) Satu jualan atau pemandahan harta modal semata-mata.

Satu jualan atau pemandahan harta modal yang tidak mengakibatkan pembeli mengambil alih perniagaan penjual adalah bukan PUB.

- (b) Pemandahan saham yang tidak mengubah entiti perniagaan.

Satu pemandahan saham semata-mata daripada seorang pemegang saham dalam syarikat berhad kepada seorang pemegang saham lain atau seseorang bukan merupakan PUB kerana pemilikan aset-aset perniagaan masih kekal dalam entiti perniagaan yang sama. Begitu juga, apa-apa perubahan dalam satu perkongsian hendaklah tidak diambil kira bagi maksud CBP. Oleh yang demikian, peruntukan-

peruntukan PUB tidak terpakai bagi perubahan dalam perkongsian sesuatu firma.

- (c) Pemindahan segera bersiri secara berturutan bagi perniagaan yang sama.

Seorang pembeli perniagaan yang membuat jualan serta-merta perniagaan tersebut kepada satu pihak lain adalah dikira tidak menjalankan perniagaan penjual pertama. Ini membuatkan kedua-dua pembelian dan penjualan berikutnya berada di luar skop PUB. Akibatnya, peraturan biasa CBP akan terpakai bagi kedua-dua pembeliannya dan jualan seterusnya. Sila lihat contoh di bawah.

**Contoh 1:**

*Ahmad memperolehi satu perniagaan daripada Ali dan dengan segera memindahkan perniagaan tersebut kepada Akmal. Dalam contoh ini, Ahmad dikira tidak menjalankan perniagaan Ali, dan peruntukan PUB tidak terpakai. Ini akan membuatkan pembelian Ahmad daripada Ali tertakluk kepada cukai output. Pemindahan perniagaan yang berikutnya oleh Ahmad kepada Akmal adalah juga tertakluk kepada CBP.*

14. Aset-aset bagi sebahagian perniagaan yang dipindahkan tidak digunakan secara langsung oleh penerima pindahan untuk membuat pembekalan tetapi hanya digunakan sebagai aset modal perniagaannya.

**Contoh 2:**

*Seorang pemilik tanah, yang terlibat dalam perniagaan pajakan hartanah komersil, telah menjual sebahagian perniagaannya kepada salah seorang daripada penyewanya yang kemudiannya menukarkan bangunan komersil yang ia perolehi kepada pejabat perniagaannya.*



## **PUB YANG MELIBATKAN AHLI DALAM KUMPULAN CBP**

15. Peruntukan am yang mengawal pendaftaran CBP secara berkumpulan juga terpakai bagi pembekalan atau perolehan aset-aset perniagaan sebagai PUB oleh ahli-ahli dalam satu kumpulan CBP seperti berikut:

- (a) Apa-apa pemindahan aset perniagaan di antara ahli-ahli dalam kumpulan yang sama adalah dikira sebagai pembekalan yang diabaikan dan tiada implikasi CBP ke atasnya;
- (b) Apa-apa pemindahan aset-aset perniagaan sebagai PUB oleh mana-mana ahli kumpulan adalah disifatkan sebagai telah dibuat oleh ahli yang dilantik mewakili kumpulan tersebut;
- (c) Apa-apa perolehan aset-aset perniagaan di bawah PUB oleh mana-mana ahli kumpulan adalah disifatkan sebagai telah diperolehi oleh ahli yang dilantik mewakili kumpulan tersebut.

## **PELARASAN HARTA MODAL DI BAWAH PUB**

16. Peruntukan am di bawah pelarasan harta modal adalah terpakai bagi PUB. Di bawah pelarasan harta modal, pelarasan-pelarasan tahunan bagi tuntutan cukai input perlu dibuat ke atas mana-mana harta modal yang digunakan untuk membuat pembekalan campuran jika kadar penggunaan harta modal tersebut berubah dari tahun ke tahun. Apabila mana-mana harta modal termasuk di bawah pelarasan harta modal dipindahkan sebagai PUB, penerima pindahan bertanggungjawab untuk meneruskan pelarasan-pelarasan ke atas aset-aset modal yang dipindahkan bagi baki tempoh-tempoh pelarasan.

17. Jarak waktu yang digunapakai kepada harta modal pada masa pemindahan, akan berakhir pada hari terakhir tahun cukai penerima pindahan yang meliputi tarikh pemindahan tersebut. Setiap jarak waktu yang berikut, jika ada, hendaklah berakhir pada hari terakhir tahun cukai tahunan penerima pindahan. Sila lihat contoh seperti di bawah:

**Contoh 3:**

*ABC memindahkan sebahagian aset-aset perniagaan kepada XYZ sebagai PUB pada 25hb Mac 2016. Jarak waktu cukai kedua untuk ABC bagi aset-aset yang dipindah akan berakhir pada 30hb September 2016 manakala tahun cukai semasa XYZ akan berakhir pada 31hb Disember 2016. Oleh itu, jarak waktu kedua akan berakhir pada 31hb Disember 2016. Selangan ketiga, keempat dan kelima untuk aset-aset yang telah dipindahkan akan masing-masing berakhir pada 31hb Disember 2017, 31hb Disember 2018 dan 31 Disember 2019.*

18. Obligasi bagi kedua-dua pemindah dan penerima pindahan berhubung mana-mana harta modal yang dipindahkan di bawah PUB adalah seperti berikut:
- (a) Pemindah mestilah memaklumkan kepada penerima pindahan akan mana-mana harta modal yang masih diliputi di bawah pelarasan harta modal.
  - (b) Pemindah mestilah memberikan segala perincian dan rekod akaun yang perlu kepada penerima pindahan untuk meneruskan pelarasan yang perlu.
  - (c) Penerima pindahan, sebaliknya dikehendaki mengesahkan dengan pemindah sama ada perniagaan yang dipindahkan termasuk mana-mana harta modal yang masih diliputi oleh pelarasan harta modal.
  - (d) Penerima pindahan hendaklah meneruskan membuat pelarasan kepada mana-mana harta modal yang masih diliputi oleh pelarasan harta modal bagi tempoh pelarasan yang masih ada, melainkan tiada berlaku perubahan kadar dalam penggunaan harta modal untuk membuat pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan bagi baki tempoh pelarasan.
  - (e) Penerima pindahan mestilah membayar cukai input tambahan jika kadar penggunaan harta modal untuk membuat pembekalan dikecualikan bertambah dalam baki tempoh-tempoh pelarasan. Dalam keadaan sebaliknya, penerima pindahan layak untuk menuntut atau

mendapatkan semula lebih kredit cukai input bagi harta modal tersebut.

- (f) Apabila penggunaan apa-apa harta modal yang dipindahkan berubah berikutan daripada membuat keseluruhan pembekalan bercukai kepada keseluruhan pembekalan dikecualikan, penerima pindahan mesti membayar semula cukai input (disifatkan telah ditolak pada masa pemindahan) kepada Ketua Pengarah Kastam.
- (g) Apabila penggunaan mana-mana harta modal yang dipindahkan berubah berikutan daripada membuat keseluruhan pembekalan bercukai kepada pembekalan bercampur, penerima pindahan mestilah membuat pelarasan tahunan bagi tuntutan cukai input yang disifatkan itu ke atas harta modal yang dipindahkan untuk apa-apa baki tempoh jarak waktu dan membayar semula cukai input berdasarkan pelarasan yang dibuat kepada Ketua Pengarah Kastam. Sila lihat contoh di bawah.

**Contoh 4:**

*Andaikan pemindahan aset-aset sebagai PUB berlaku pada 1.1.2016. Harta modal tersebut telah dijadikan modal oleh pemindah pada 1.1.2015. Penggunaan harta modal berubah dari membuat keseluruhan pembekalan bercukai kepada pembekalan bercampur untuk tahun 2017 (80%), 2018 (50%) dan 2019 (70%). Jumlah nilai harta modal pada masa pemindahan ialah RM1,250,000.00. Tuntutan cukai input yang disifatkan ialah RM75,000.00 (RM1,250,000 X 6%). Pelarasan yang penerima pindahan perlu buat ada ditunjukkan dalam jadual di bawah:*

**Jadual 1: Pelarasan di bawah PUB**

| Jarak waktu (tahun) | Kadar Penggunaan bercukai (%) | Pelarasan (%) | Pengiraan | Pelarasan (RM) |
|---------------------|-------------------------------|---------------|-----------|----------------|
| 1 (2015)            | 100%                          | -             | -         | -              |
| 2 (2016)            | 100%                          | -             | -         | -              |

|                           |            |                   |                                   |                |
|---------------------------|------------|-------------------|-----------------------------------|----------------|
| <b>3</b><br><b>(2017)</b> | 80%        | 80% - 100%        | $\frac{50,000}{5} \times (-20\%)$ | <b>(2,000)</b> |
| <b>4</b><br><b>(2018)</b> | 50%        | 50% - 100%        | $\frac{50,000}{5} \times (-50\%)$ | <b>(5,000)</b> |
| <b>5</b><br><b>(2019)</b> | <b>70%</b> | <b>70% - 100%</b> | $\frac{50,000}{5} \times (-30\%)$ | <b>(3,000)</b> |

**Nota:**

- (a) Bagi jarak waktu pelarasan ke 2 (tahun cukai 2016), tiada pelarasan dikehendaki dibuat oleh penerima pindahan kerana harta modal itu digunakan untuk membuat keseluruhan pembekalan bercukai.
- (b) atau bagi tahun cukai (jarak waktu) 2017, 2018 dan 2019, penerima pindahan mestilah membuat pelarasan ke atas cukai input yang disifatkan yang telah dituntut dan membayar semula kepada Ketua Pengarah Kastam, cukai input masing-masing berjumlah RM2,000.00, RM5,000.00 dan RM3,000.00.

**CUKAI INPUT KE ATAS PERBELANJAAN SAMPINGAN**

19. Kedua-dua pemindah dan penerima pindahan boleh jadi menanggung perbelanjaan sampingan ke atas pemindahan perniagaan, seperti fi telah dibayar bagi khidmat tindakan berhati-hati ke atas perniagaan yang dipindahkan dan bayaran guaman untuk menyediakan dan urusan memeterai pemindahan atau perjanjian jual beli. Disamping pembekalan yang dibuat di bawah PUB dikira sebagai bukan pembekalan barang mahu pun pembekalan perkhidmatan, kedua-dua pemindah dan penerima pindahan boleh menuntut kredit cukai input yang ditanggung atas perbelanjaan sampingan bagi pemindahan perniagaan seperti berikut:

- (a) Penerima pindahan boleh menuntut amaun penuh cukai input yang ditanggung jika harta yang diperolehi digunakan untuk membuat keseluruhan pembekalan bercukai.
- (b) Jika penerima pindahan menggunakan aset-aset yang dipindahkan untuk membuat pembekalan bercampur, maka ia hendaklah

mengagihkan tuntutan cukai input sewajarnya berasaskan kaedah pengecualian separa yang diguna pakai.

- (c) Oleh kerana jualan atau pemindahan harta perniagaan oleh pemberi pemindahan di bawah PUB tidak dianggap sebagai pembekalan, pemindah tidak boleh mengira cukai input yang ditanggung ke atas perbelanjaan sampingan sebagai yang berkaitan dengan pembekalan bercukai. Walau bagaimanapun, perundangan CBP membenarkan pemindah untuk menuntut apa-apa cukai input yang ditanggung yang mana merupakan sampingan kepada pemindahan yang berterusan.

20. Apabila aset-aset perniagaan telah dipindahkan sebagai PUB digunakan untuk membuat hanya pembekalan dikecualikan, penerima pindahan adalah tidak layak untuk menuntut apa-apa cukai input yang ditanggung ke atas perbelanjaan-perbelanjaan sampingan kepada pemindahan itu.

## **PENYIMPANAN REKOD PERNIAGAAN**

21. Di bawah PUB, rekod mestilah disimpan seperti berikut:

- (a) Kedua-dua pemindah dan penerima pindahan mestilah menyimpan rekod-rekod yang mencukupi bagi aset-aset yang dipindahkan.
- (b) Pemindah hendaklah memindahkan, melainkan sebaliknya dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak, semua rekod berhubung dengan perniagaan yang dipindahkan sepertimana yang dikehendaki di bawah seksyen \_\_\_\_\_ Akta CBP 20XX.
- (c) Penerima pindahan hendaklah menyimpan rekod-rekod tersebut untuk tempoh tujuh (7) tahun selaras dengan seksyen \_\_\_\_\_ Akta CBP 20XX.
- (d) Dalam hal yang melibatkan hanya pemindahan sebahagian daripada satu perniagaan dan rekod berkaitan tidak boleh diasingkan, pemindah mestilah mendapatkan nasihat daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam situasi ini, salinan diakui sah bagi segala rekod dan dokumen berhubung dengan perniagaan yang dipindahkan

kepada penerima pindahan sebagai ganti kepada rekod-rekod dan dokumen-dokumen asal adalah dibenarkan. Sekiranya JKDM membenarkan salinan diakui sah bagi rekod-rekod dan dokumen-dokumen disediakan untuk penerima pindahan sebagai ganti kepada rekod-rekod dan dokumen-dokumen asal, pemindah hendaklah menyimpan rekod-rekod dan dokumen asal bagi tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh pemindahan perniagaan tersebut berkuatkuasa.

## **MAKLUMAT BERKAITAN BAGI PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PUB**

22. Panduan-panduan berikut boleh menjadi rujukan anda:

- (a) Pendaftaran CBP
- (b) Pelarasan Harta Modal
- (c) Pengecualian separa, Pengagihan dan Pelarasan Tahunan

## **SOALAN LAZIM**

**S1: Apakah implikasi CBP ke atas aset-aset perniagaan yang tidak dipindahkan apabila saya membatalkan pendaftaran saya dari CBP?**

J1: Anda mestilah dengan segera mengakaunkan cukai output ke atas aset-aset berkenaan yang mana tidak dipindahkan oleh anda.

**S2: Saya adalah orang yang bukan berdaftar dan berada dalam proses mengambil alih perniagaan daripada seorang rakan. Meskipun ada pengambilalihan ini, perolehan tahunan saya tidak dijangka akan melebihi nilai ambang yang ditetapkan untuk pendaftaran di bawah CBP. Bolehkah saya memohon untuk berdaftar secara sukarela dan mengangap pengambilalihan ini sebagai PUB?**

J2: Anda boleh memohon untuk pendaftaran secara sukarela dan jika permohonan anda telah diluluskan, anda boleh mengangap pemindahan tersebut sebagai PUB. Walau bagaimanapun, di bawah pendaftaran secara sukarela, anda mesti kekal berdaftar sekurang-kurangnya selama dua tahun.

## **MAKLUM BALAS DAN KOMEN**

23. Sebarang maklum balas atau komen amatlah dihargai. Sila email maklum balas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m\_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT**

24. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman Sesawang CBP: [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
  - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03-78067599
  - Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)